

# Covid-19: Komuniti nelayan nelayan ternak ketam nipah

SH 18/2/2021 M/S 24

FOTO: BERNAMA

**LANGKAWI** - Sektor pelancongan di pulau bebas cukai ini yang terkesan akibat Covid-19 turut memberi kesan kepada nelayan di Kubang Badak, kira-kira 30 kilometer dari Bandar Kuah.

Tidak mahu terlalu 'bersehid' dengan keadaan tersebut, mereka segera meneburi bidang penternakan ketam nipah sebagai satu lagi cabang pendapatan Koperasi Nelayan Sungai Kubang Badak Langkawi Berhad.

Pengerusinya, Rusasmizal Mohd Ghazali berkata, projek ternakan ketam nipah itu bermula sejak Mac tahun lalu, apabila sebuah kolam dibina di sebidang tanah seluas 0.2 hektar milik seorang anggota koperasi tersebut.

"Ketam nipah mengambal masa 90 hari sebelum sesuai untuk dijual, setiap seekor ketam nipah boleh mencecah berat lebih 500 gram seterusnya dijual pada harga RM40 hingga RM70 sekilogram mengikut saiz.

"Sejak beroperasi hampir setahun sudah tiga kali



Rusasmizal menunjukkan sebahagian ketam nipah dternak di sebuah kolam di Kubang Badak kira-kira 30 kilometer dari bandar Kuah.

kami tuai hasilnya, dengan nilai jualan dianggarkan kira-kira RM8,000," katanya baru-baru ini.

Sebagai rekod, koperasi yang dianggotai 72 ahli itu menawarkan pakej menelusuri sungai hutan paya bakau, bagi melihat 12 geotapak yang memiliki keunikan warisan geologi, biologi dan budaya di Biogeotrail Kubang Badak, namun kini pendapatan koperasi tersebut terjejas, akibat pandemik Covid-19.

Mengulas lanjut, Rusasmizal turut juga mengakui nilai kos yang dikeluarkan RM60,000 itu belum beri pulangan, namun tetap optimis dengan potensi besar yang dimiliki projek tersebut.

"Ketika ini jualan tertumpu kepada penduduk tempatan, kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan pergerakan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan," katanya. - *Bernama*